



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

**KERTAS PENILAIAN UNTUK PERTIMBANGAN
JAWATANKUASA SEBUT HARGA 'B'**

TAJUK:

**PELANTIKAN PEMBEKAL BAGI PEMBANGUNAN
DIREKTORI PELANCONGAN NEGERI PERLIS**

TEMPOH: 15 JULAI – 15 NOVEMBER 2021 (4 BULAN)



LAPORAN JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA

PELANTIKAN PEMBEKAL BAGI PEMBANGUNAN DIREKTORI PELANCONGAN NEGERI PERLIS

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Laporan ini adalah bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga B bagi Pelantikan Pembekal Bagi Pembangunan Direktori Pelancongan Negeri Perlis bagi tempoh 4 bulan iaitu dari 15 Julai – 15 November 2021 dan dengan menggunakan peruntukan yang telah diluluskan BOM Bil. 475/2021.
- 1.2 Perkhidmatan ini akan menggunakan peruntukan MPB-TPN dan jumlah perkhidmatan adalah sebanyak RM32,100.00.

2.0 LATAR BELAKANG PROGRAM

- 2.1 Nexus Produktiviti Pelancongan (TPN) diwujudkan di bawah Pelan Tindakan Produktiviti Malaysia (MPB) untuk membantu meningkatkan produktiviti sub-sektor pelancongan dengan menjalankan tiga belas (13) inisiatif pada tahun 2021. Salah satu inisiatif yang perlu dijalankan adalah berkaitan Perlis Produktif dengan cadangan penghasilan direktori pelancongan Negeri Perlis.
- 2.2 Program ini adalah untuk meningkatkan produktiviti industri pelancongan dengan kerjasama strategik melibatkan Nexus Produktiviti Pelancongan (TPN), MPC Wilayah Utara dan kerajaan Negeri Perlis dan mempersiapkan produk-produk pelancongan di negeri Perlis. Fokus utama adalah enterpris kecil dan sederhana (EKS) untuk bersedia dan menarik lebih ramai pelancong domestik dan antarabangsa setelah sempadan dibuka kelak.
- 2.3 TPN bersama-sama kerajaan Negeri Perlis bersetuju untuk menerbitkan senarai dan direktori produk pelancongan bagi mengenalpasti produk-produk pelancongan yang sedia ada.

3.0 KAEDAH PENILAIAN TAWARAN

- 3.1 Jawatankuasa Penilaian Harga yang menilai tawaran-tawaran yang diterima adalah seperti berikut:
 - (a) Pengerusi - Puan Nazahiah Mohamad
 - (b) Ahli 1 - Encik Safarwan Mohd Suhaimi

(c) Ahli 2 - Cik Nor Adira Adnan

- 3.2 Sebanyak 3 sebut harga yang telah dinilai berdasarkan dokumen sebut harga yang dikemukakan di mana 3 kriteria utama telah digunakan bagi meneliti tawaran perkhidmatan, iaitu:
- a. Kriteria 1 – Menepati spesifikasi teknikal
 - b. Kriteria 2 – Harga yang ditawarkan terendah
 - c. Kriteria 3 – Pengalaman dalam bidang berkaitan

4.0 PENILAIAN SEBUTHARGA

- 4.1 Sejumlah tiga (3) pembekal telah dihubungi dan mengemukakan sebut harga. Jawatankuasa telah meneliti dan menganalisa kesemua sebut harga yang telah disediakan oleh setiap pembekal.

JADUAL 1: MATRIKS SPESIFIKASI TEKNIKAL DAN TAWARAN HARGA

BIL.	SPESIFIKASI TEKNIKAL	PENYEBUT HARGA 1/3	PENYEBUT HARGA 2/3	PENYEBUT HARGA 3/3
1.	Konsep kreatif / Perancangan Penerbitan	RM 4,500.00	RM 6,000.00	RM 10,000.00
2.	Reka bentuk termasuk muka depan;muka belakang; Reka bentuk separator; Reka bentuk Table of Content; dan Reka bentuk isi kandungan	RM 5,500.00	RM 6,500.00	
3.	Illustrator, grafik, jadual dan peta	RM 3,000.00	RM 4,000.00	RM 16,000.00
4.	Fotografi & Visual	RM 3,000.00	RM 5,500.00	
5.	Mengumpul dan Menyiapkan bahan/ artikel serta kandungan yang bersesuaian	RM 3,500.00	RM 4,500.00	
6.	Semakan & Penyuntingan pra penerbitan	RM 3,600.00	RM 4,600.00	
7.	Promosi & Pemasaran kreatif: promosi / publisiti di media sosial. Pemasaran produk / perkhidmatan pelancongan	RM 8,500.00	RM 18,000.00	RM 8,000.00
8.	Penyelarasan / pengemaskinian/ pemantauan direktori digital untuk tempoh 1 bulan pertama	RM 500.00	RM 1,200.00	RM 5,000.00
JUMLAH		RM32,100.00	RM50,300.00	RM39,000.00
6% sst		-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		RM32,100.00	RM50,300.00	RM39,000.00

- 4.2 Berdasarkan jadual 1, ketiga-tiga penyebut harga telah menepati spesifikasi teknikal yang diperlukan dan harga tawaran terendah ialah **RM32,100.00 (Penyebut Harga 1/3)** dan harga tertinggi adalah **RM50,300.00 (Penyebut Harga 2/3)**.
- 4.3 Pengalaman ketiga-tiga penyebut harga dalam bidang yang berkaitan adalah seperti jadual 2:

JADUAL 2: PENGALAMAN DALAM BIDANG BERKAITAN

BIL.	PENGALAMAN	PENYEBUT HARGA 1/3	PENYEBUT HARGA 2/3	PENYEBUT HARGA 3/3
1.	Pengalaman dalam bidang editorial, rekabentuk grafik dan penulisan	Penulisan dan rekabentuk grafik untuk: - Qatar Tourism Malaysia - Kementerian Pelancongan & Kebudayaan - Kementerian Wilayah Persekutuan - Kerajaan Negeri Terengganu - Visit Indonesia - Taiwan Tourism Bureau - Kuala Lumpur Tourism Bureau - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur - MaTiC	Penulisan media & press release untuk: - PNB Darby Park - Star Cruises Rekabentuk grafik untuk EMKAY Group	Penulisan Copywriting untuk Buraqoil Sdn Bhd Rekabentuk grafik untuk: - Kopetro - Firefly - Arkib Negara

4.4 Skor bagi kriteria pemilihan pembekal adalah seperti Jadual 3:

JADUAL 3: KRITERIA PEMILIHAN PEMBEKAL

KRITERIA	SKOR		
	PENYEBUTHARGA 1/3	PENYEBUTHARGA 2/3	PENYEBUTHARGA 3/3
Spesifikasi Teknikal	3	3	3
Harga yang terendah	3	1	2
Pengalaman dalam bidang	3	2	2
JUMLAH SKOR	9	6	7

Skor:

- 0 = Tiada rekod/ tidak menepati keperluan
- 1 = Tidak memenuhi spesifikasi
- 2 = Sederhana
- 3 = Memenuhi spesifikasi

4.5 Berdasarkan jadual matriks analisa, skor terendah adalah penyebut harga 2/3 manakala **skor tertinggi adalah penyebut harga 1/3.**

5.0 CARTA PEMBAYARAN

5.1 Pembayaran bagi perkhidmatan pakar akan dilaksanakan selepas pembekal menyelesaikan tugas mengikut jadual 4 yang ditetapkan seperti berikut:

JADUAL 4: CARTA PEMBAYARAN PEMBEKAL

No.	Hasil	Peratusan Bayaran (%) dan Amaun (RM)
1.	Final Directory	100% RM32,100.00

6.0 CARTA PERBATUAN PROJEK

6.1 Carta perbatuan bagi projek mengikut bulan adalah seperti berikut:

	Tugasan	Julai	Ogos	September	Oktober	November
6.1.1	Information Gathering					
6.1.2	Content Creation					
6.1.3	Design and Layout					
6.1.4	Finalising Directory					
6.1.5	Updating Current Information					

7.0 KEPUTUSAN DAN SYOR

- 7.1 Setelah meneliti dan membuat perbandingan tawaran perkhidmatan tersebut, berikut adalah pembekal yang telah disyorkan bagi perkhidmatan pembekal bagi Pembangunan Direktori Pelancongan Negeri Perlis.

Pilihan: Penyebutharga 1/3

Harga: RM32,100.00

Disediakan oleh:



Nama: Danial Zarkasyi Mazlan
Jawatan: Penolong Pengurus
Tarikh: 5 Julai 2021

Disemak oleh:



Nama: Nik Nazarina Nek Mohamed
Jawatan: Pengurus
Tarikh: 5 Julai 2021

DISYORKAN OLEH JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)

Disyorkan:	Disyorkan:	Disyorkan:
		
Nama: Nazahiah Mohamad Pengerusi JPH Tarikh: 5 Julai 2021	Nama: Safarwan Mohd Suhaimi Ahli JPH Tarikh: 5 Julai 2021	Nama: Nor Adira Adnan Ahli JPH Tarikh: 5 Julai 2021
Komen/ cadangan:	Komen/ cadangan:	Komen/ cadangan: